



18 FEB, 2025

Faizal tekad tamat musim 2025 dengan julang tiga piala

Harian Metro, Malaysia



Kuala Lumpur: Penye-rang sensasi Pasukan Hoki Terengganu (THT), Faizal Saari bertekad menamat-kan musim 2025 dengan menjulang kejuaraan Piala TNB, sekali gus meleng-kapkan pencapaian gemilang pasukannya selepas merampas semula kejua-raan liga.

Bagi Faizal, kejayaan menjuarai Piala TNB bu-kan sahaja akan menjadi penutup sempurna buat THT, tetapi simbol domi-nasi pasukannya dalam Li-ga Hoki Malaysia (MHL) musim ini.

“Bagi saya, satu sejarah dalam sembilan perlawan-an liga kita tanpa kalah.

“Tahun 2025 memang manis, tapi kalau nak lagi manis, kena menang Piala TNB,” katanya selepas

Faizal tekad tamat musim 2025 dengan julang tiga piala

membantu THT menum-paskan kelab jemputan da-ri Australia, Territory Stingers 4-1 dalam aksi te-rakhir liga di Stadium Hoki Nasional 2, Bukit Jalil, kel-marin.

Sebagai penjaring utama pasukan dengan 19 gol se-takat ini, Faizal sedar tang-gungjawabnya bukan seka-dar memburu gelaran pen-jaring terbanyak, tetapi membantu THT memas-tikan piala berprestij itu kembali ke Terengganu.

“Kami sudah menang dua piala musim ini, tapi Piala TNB adalah kemun-

caknya.

“Kami hanya ada tiga perlawanan lagi, jadi saya harap semua pemain dapat kekalkan momentum dan elakkan kesilapan mudah,” tambahnya.

THT kini dalam persi-apan menghadapi suku akhir bertemu Armed For-ces HT, hari ini dan dalam masa sama mereka bakal berdepan cabaran hebat Tenaga Nasional Berhad (TNB), pasukan yang di-anggap pilihan utama de-ngan kehadiran 10 pemain kebangsaan serta pemain import berkualiti.